

Headline	DRSB sedia platform lahir ramai usahawan		
MediaTitle	Berita Harian		
Date	17 Sep 2018	Language	Malay
Circulation	69,985	Readership	209,955
Section	Bisnes	Page No	19,35
ArticleSize	810 cm ²	Journalist	Azzman Abdul
PR Value	RM 83,442		



DRSB

Platform lahir lebih ramai usahawan **Ms.35**

DRSB sedia platform lahir ramai usahawan

➔ Kejayaan ahli perniagaan berjaya beri inspirasi dua beradik tubuh syarikat sendiri

lelah adalah dari tempoh 13 tahun bekerja di pelbagai syarikat di ibu negara.

“Saya pernah bekerja sebagai seorang pembantu hinggalah menjadi pengurus operasi di sebuah hospital.

“Hasil daripada semua pekerjaan itu, saya sering berurusan dengan orang kenamaan termasuk usahawan berjaya, malah saya juga menjadi rakan rapat kepada Pengasas MBF Group, Tan Sri Loy Hean Heong.

bidang berkenaan.

“Disebabkan saya mempunyai kepakaran dalam bidang pengurusan dan perhubungan awam, saya terbabit secara langsung dalam hal menguruskan syarikat dan menjalinkan usaha sama dengan syarikat lain, manakala Samad akan mencadangkan produk apa yang boleh dijual.

“Tidak lama kemudian, kami menjalinkan usaha sama dengan beberapa syarikat untuk terima produk DRSB termasuk Tenaga Nasional Bhd (TNB).

Bekerja dan belajar

“Setiap usahawan berjaya mempunyai cerita mereka sendiri bagaimana mereka mengharungi cabaran untuk mendirikan perniagaan masing-masing. Tetapi, kata-kata daripada Hean Heong sememangnya menjadi inspirasi kepada saya untuk mendirikan perniagaan sendiri,” katanya kepada NSTP.

Beliau berkata, dalam tempoh bekerja itu, beliau turut melanjutkan pelajaran dalam bidang pengurusan selama empat tahun di Australia.

“Pada satu masa, saya berpandangan bahawa sudah tiba masa untuk berhenti bekerja di bawah orang lain dan cuba menjana pendapatan lebih banyak dengan bekerja sendiri.

“Saya kemudian mengajak adik bongsu, Abdul Samad K Baba, 46, untuk menjalankan perniagaan sendiri. Menerusi perbincangan yang diadakan bersama, kami berjaya mewujudkan DRSB pada 2000, sebuah syarikat pembekal peralatan mekanikal dan elektrik,” katanya.

Beliau berkata, idea untuk menceburi sektor mekanikal dan elektrik itu adalah daripada Samad berdasarkan kepakaran beliau dalam

Menceburi sektor berbeza

“Produk kami terdiri daripada produk pengukur kuasa elektrik, sistem amaran api, sistem voltan tinggi, teknologi maklumat, alat ganti aeroangkasa dan ketenteraan, monitor dan penjanaan kuasa.

“Malah, DRSB juga terbabit dalam perkhidmatan uji dan kalibrasi peralatan serta pembinaan,” katanya.

Beberapa tahun kemudian, Amir berkata, syarikat milik dua beradik itu terus berkembang dan mereka kemudian memutuskan untuk mula menceburi sektor lain.

“Kami kemudian mula menceburi sektor makanan dan minuman (F&B), pakaian, pencetakan serta automotif.

“Kami mempunyai dua restoran yang dinamakan sebagai Legenda Malaya, yang menghidangkan makanan tempatan; perkhidmatan menjahit di Jalan Ipoh; sebuah kedai pencetakan dan bengkel kereta yang baharu dibuka pada awal bulan lalu.

“Keputusan untuk menceburi sektor berbeza ini adalah disebabkan permintaan yang kian



Oleh **Azzman Abdul Jamal**
azzman@nstp.com.my

Belajar dari yang berpengalaman. Itulah prinsip yang dipegang Pengasas Dayarena Resources Sdn Bhd (DRSB), Mohd Amir K Baba, 47, sepanjang menguruskan perniagaannya selama 18 tahun.

Berasal dari keluarga susah, Amir berkata, perjalanannya untuk menjadi seorang usahawan yang berjaya tidaklah sebegitu mudah dan terdapat pelbagai cabaran yang perlu dihadapi.

Katanya, antara rahsia kejayaannya adalah mempelajari ilmu keusahawanan daripada usahawan berjaya dan mencontohi kesungguhan mereka.

“Kebanyakan pengalaman pengurusan perniagaan yang saya per-

Headline	DRSB sedia platform lahir ramai usahawan		
MediaTitle	Berita Harian		
Date	17 Sep 2018	Language	Malay
Circulation	69,985	Readership	209,955
Section	Bisnes	Page No	19,35
ArticleSize	810 cm ²	Journalist	Azzman Abdul
PR Value	RM 83,442		



Keputusan untuk menceburi sektor berbeza ini adalah disebabkan permintaan yang kian meningkat dan kami merasakan ini adalah peluang untuk menjana pendapatan lebih banyak”

Mohd Amir K Baba,
Pengasas Dayarena
Resources Sdn Bhd

meningkat dan kami merasakan ini adalah peluang untuk menjana pendapatan lebih banyak. Lebih menarik, Amir berkata, beliau tidak mempunyai sebarang kepakaran dalam setiap sektor baharu yang diceburi itu, namun disebabkan mempunyai asas kukuh dalam mendirikan sebuah perniagaan, ia tidaklah begitu sukar untuk menjalankan semua perniagaan berkenaan.

Bantu graduan universiti

“Kebiasannya, saya akan membuat perancangan untuk membentuk perniagaan yang ingin dijalankan. Bahagian pengurusan perniagaan itu pula diserahkan kepada individu yang mempunyai pengalaman menerusi pelantikan yang dibuat oleh saya atau Samad.

“Untuk pelantikan pekerja pula, kami lebih gemar memilih graduan universiti yang ingin mencari pengalaman atau tidak berpeluang mendapat pekerjaan di tempat lain,” katanya.

Amir dan Samad kini mempunyai hampir 80 pekerja yang bekerja di bawah DRSB dan anak syarikatnya.

Mengulas lanjut, Amir berkata, dua beradik itu pada masa ini tidak bercadang untuk mengembangkan perniagaan mereka dan menyasarkan untuk mewujudkan satu platform untuk melahirkan lebih ramai usahawan.

“Kini, DRSB dan anak syarikat juga diuruskan oleh keluarga termasuk semua adik-beradik saya.

“Kami ingin membuat satu platform supaya dapat berkongsi rahsia dibalik menjadi seorang usahawan berjaya,” katanya.

Headline	DRSB sedia platform lahir ramai usahawan		
MediaTitle	Berita Harian		
Date	17 Sep 2018	Language	Malay
Circulation	69,985	Readership	209,955
Section	Bisnes	Page No	19,35
ArticleSize	810 cm ²	Journalist	Azzman Abdul
PR Value	RM 83,442		

Info

Dayarena Resources Sdn Bhd

- Ditubuhkan pada 2000
- Mula beroperasi pada 2002
- Syarikat pembekal peralatan mekanikal dan elektrik
- Mempunyai lima anak syarikat terbabit dalam sektor F&B, pakaian, pencetakan dan automotif



Mohd Amir membuat pemeriksaan produk sebelum dipasarkan.

Headline	DRSB sedia platform lahir ramai usahawan		
MediaTitle	Berita Harian		
Date	17 Sep 2018	Language	Malay
Circulation	69,985	Readership	209,955
Section	Bisnes	Page No	19,35
ArticleSize	810 cm ²	Journalist	Azzman Abdul
PR Value	RM 83,442		



[FOTO SAIRIEN NAFIS/BH]

Mohd Amir menunjukkan produk DRSB yang akan dipasarkan kepada pelanggan.